



DR KASIM (duduk, tengah) bersama pelajar yang menjadi kumpulan sasaran program akademik HEPA UMS.

Alumni UMS

sandang pelbagai jawatan penting

nyelidik, selain menjadi pensyarah di IPT awam dan swasta di seluruh negara.

Katanya, universiti itu sentiasa bekerja keras untuk melahirkan graduan bagi memenuhi keperluan pembangunan sumber tenaga manusia yang berilmu dan berketerampilan yang bersama menajayakan GTP dan ETP sekali gus menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian.

Beliau berkata, UMS beriltizam untuk berbakti kepada komuniti negara dan antarabangsa melalui pengajaran, penyelidikan dan khidmat bakti masyarakat

sekali gus membantu kumpulan sasaran mencipta keunggulan, kemajuan dan kesejahteraan.

"Ada alumni UMS kini terbabit dalam pelbagai sektor. Ada yang menjadi usahawan berjaya sama ada dalam negara ataupun di luar negara. Dalam sektor awam ramai alumni diberi kepercayaan untuk memegang pelbagai jawatan penting kerajaan," katanya kepada Varsiti di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Kasim berkata, bermula dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9) UMS memberi penekanan khusus kepada peningkatan kualiti pendidikan negara bertepatan matlamat untuk menjadi negara maju seiring Wawasan 2020.

Beliau berkata, hakikatnya, dengan memiliki sumber manusia yang mantap akan membolehkan impak globalisasi sentiasa berada di bawah kawalan khususnya alumni kerana mereka memiliki daya saing tinggi dalam kerjaya diceburi.

"Seperti juga universiti lain di negara ini, UMS sentiasa menggalakkan alumennya untuk terus aktif dalam menjalin kerjasama yang berterusan melalui program antaranya alumni kembali ke rumah, jejak alumni dan program alumni bersama masyarakat.

"Menerusi program ini, kita bukan



Dr Kasim

saja mampu menyatukan alumni dan mengeratkan ikatan silaturahim malah satu pendekatan bersepadu untuk berinteraksi bersama masyarakat setempat bagi memajukan sosioekonomi mereka menerusi pelbagai bidang ekonomi di kawasan masing-masing," katanya.

Dr Kasim berkata, Pusat Hubungan Alumni UMS sudah mewujudkan laman sesawang untuk memudahkan alumni mengikuti perkembangan UMS serta menyediakan ruang untuk berinteraksi dan menyumbang idea kepada kecemerlangan universiti itu.

Katanya, antara program alumni yang sudah dilaksanakan ialah 'alumni kembali ke rumah' yang dihadiri lebih 300 anggotanya, program jejak alumni di Salarom Taka, Nabawan serta daerah lain di Pedalaman Sabah bertujuan untuk bermesra dengan penduduk setempat di kawasan itu.

INFO

PROF MADYA DR KASIM MANSUR

Jawatan: Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMS dan Pengerusi Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (MASUM)
Asal: Menggatal, Kota Kinabalu Pendidikan:

1. Ijazah Sarjana Muda, Pentadbiran Perniagaan, Indiana State University, Terre Haute, Indiana, Amerika Syarikat
2. Ijazah Sarjana Ekonomi, Indiana State University, Terre Haute, Indiana, Amerika Syarikat
3. Ijazah Doktor Falasafah Ekonomi, University of Wisconsin-Milwaukee, Wisconsin, Amerika Syarikat

Pembabitian Dalam

Kecemerlangan Sukan IPT:

1. Chef de Mission Kontinjen negara ke Sukan Universiti Asian 2010 di Chiang Mai, Thailand 2010
2. Pengerusi Penganjuran Sukan Universiti Malaysia-Thailand (MASTHAI) 2009 di UMS, Kota Kinabalu
3. Ketua Kontinjen MASUM ke Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SIPMA) Melaka 2011
4. Chef de Mission Kontinjen negara Ke MASTHAI di Chiang Rai, Thailand pada Julai 2011
5. Pengerusi Anugerah Sukan MASUM 2010
6. Pengerusi Fiesta Tae Kwon Do Dunia 2010
7. Wakil Malaysia dalam Persekutuan Sukan Universiti Antarabangsa (FISU) di Sukan Universiti Dunia (Universiade) 2011 di Shenzhen, China

Oleh Mohd Azrone Sarabatin

azrone@bharian.com.my

BH 06/10/2011 16

UNIVERSITI ialah gedung ilmu yang berperanan penting dalam membentuk dan melahirkan graduan berkualiti untuk menjadi modal insan menajayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menjadi landasan penting bagi menajayakan Wawasan 2020.

Dalam konteks ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa bertekad dan memfokuskan kepada kecemerlangan dalam bidang akademik dan pada masa sama turut menitikberatkan kualiti dan pembangunan sahsiah pelajar dalam pelbagai aspek kehidupan.

Sehingga hujung tahun lalu, institusi pengajian tinggi (IPT) awam ke-9 negara itu sudah melahirkan seramai 28,253 alumni tidak termasuk 4,700 pelajar yang akan bergraduat tahun ini. Lebih 30 alumni universiti awam itu pula memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam pelbagai bidang.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni - HEPA) UMS, Prof Madya Dr Kasim Mansur, berkata lebih 270 alumni kini menjawat pelbagai jawatan di universiti itu contohnya pensyarah, pegawai tadbir, pegawai sains dan pe-



DR KASIM bersama pelajar pelbagai kaum UMS.